

Kabinet hadkan

B.H 2.1 JAN 1993

keistimewaan raja

KUALA LUMPUR, Rabu — Kabinet hari ini menarik balik semua kemudahan dan keistimewaan raja-raja yang tidak terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, penarikan balik itu juga membabitkan semua kemudahan yang bukan menjadi hak untuk dinikmati raja, termasuk nombor plat kereta dan wad diraja di hospital.

“Berdasarkan ucapan saya sebelum ini, memandang raja-raja berpegang kepada undang-undang dan tidak kepada semangat Perlembagaan, kerajaan juga akan berbuat demikian.

“Oleh itu, segala kemudahan yang tidak termasuk dalam peruntukan hak bagi raja, maka saya fikir kita tidak dapat memberinya,” katanya kepada pemberita di bangunan Parlimen, di sini, hari ini.

Keputusan itu adalah arahan Kerajaan Persekutuan yang diputuskan dalam mesyuarat Kabinet, hari ini. Kerajaan Selangor mengambil langkah pertama melaksanakan arahan itu.

Dr Mahathir berkata, beliau juga tidak akan menghadap Yang di-Pertuan Agong bagi menearangkan apa yang dibincangkan dalam mesyuarat mingguan Kabinet.

“Perkara itu bukan undang-undang dan hanya

amalan biasa,” katanya.

Difahamkan, menteri-menteri besar juga tidak lagi menemui sultan di negeri masing-masing sebagaimana lazimnya sebelum mesyuarat Exco kerajaan negeri.

Dr Mahathir berkata, segala peruntukan dan kemudahan pada masa lalu tidak akan diambil sebarang tindakan dan hanya membabitkan penggunaan kemudahan serta keistimewaan yang melebihi had ditetapkan.

“Kalau kita peruntukan sekian banyak kemudahan tetapi mereka gunakan lebih daripada itu, maka yang lebih tidak akan diberi. Yang lalu itu kita berlebih kurang saja.

“Ia hanya yang tersurat dalam Perlembagaan saja. Yang mana terlebih beri, kita akan tarik balik,” katanya.

Menurut Perdana Menteri, kegunaan kemudahan hospital diraja juga akan ditarik balik jika ia bukan hak.

Bagaimanapun, katanya, segala kemudahan dan keistimewaan bagi Yang Dipertua Negeri tidak terjejas dan perkara terlebih beri juga tidak akan diambil tindakan.

Ditanya mengenai hubungan kerajaan dan raja berikutan keputusan itu, Dr Mahathir berkata: “Hubungan kerajaan dan raja-raja seperti biasa bila diperlukan mengikut cara yang rasmi.

“Perhubungan itu sedi-

berik
30 JUN 1993

nombor plat

DARI MUKA 1

kit sebanyak terjejas, tetapi perhubungan memang ada," katanya.

Mengenai nombor plat kereta tertentu yang dikehaskan untuk raja-raja, Perdana Menteri berkata, perkara itu memang tidak tersurat dan ia juga akan ditarik balik.

Sebelum ini, Jabatan Pengangkutan Jalan mengkehaskan nombor tertentu seperti nombor plat 10 ke bawah untuk raja dan kerabatnya.

Ditanya sama ada Yang di-Pertuan Agong ada menjelaskan kepada beliau untuk tidak menandatangani rang undang-undang pindaan Perlembagaan Persekutuan bagi melupuskan kuasa raja itu dalam perjumpaan Isnin lalu, Perdana Menteri berkata, perkara itu tidak dinyatakan kepadanya.

Mengenai kemungkinan keyakinan pelabur terjejas kepada Malaysia berikutan isu pindaan Perlembagaan itu, Dr Mahathir berkata, perkara itu tidak mempunyai pertalian dengan kedudukan raja-raja.

Menurutnya, keyakinan pelabur untuk menanam modal di negara ini masih seperti biasa.

Ditanya mengenai sokongan majoriti dua pertiga yang diperolehi oleh Barisan Nasional (BN) dalam pindaan Perlembagaan itu, Dr Mahathir berkata, ia adalah bukti sokongan padu rakyat.